

**Minat syarikat Malaysia
Utusan Online
November 12, 2011**

KUALA LUMPUR 11 Nov. - Syarikat-syarikat penjagaan kesihatan Malaysia yang menyertai Ekspo Hospital 2011 di Jakarta telah menerima reaksi yang positif daripada hospital-hospital dan makmal-makmal negara itu.

Minat yang ditunjukkan itu berupa permintaan terhadap peralatan dan perkhidmatan di dalam industri perubatan, kata Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dalam kenyataannya di sini.

"Sebanyak 14 syarikat yang diketuai oleh Matrade telah menerima pelbagai pertanyaan bagi implan tulang belakang, katil hospital, perkhidmatan pemantauan kesihatan, rawatan barah dan sebagainya.

"Dengan penduduk melebihi 220 juta, 80 peratus peralatan kesihatan digunakan mereka adalah diimport," kata kenyataan itu.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1112&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_02.htm